



SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2015/11/118 (HQ)

TNB SIAP SEDIA HADAPI BANJIR

Tenaga Nasional Berhad (TNB) melakukan persiapan rapi bagi menghadapi kemungkinan bencana banjir pada penghujung tahun ini, kata Pengurus Besar Kanan (Hal Ehwal Korporat dan Komunikasi) TNB, Datuk Ir. Mohd Aminuddin Mohd Amin.

Berdasarkan pengalaman banjir tahun lepas, TNB katanya telah mengadakan persiapan awal termasuk penambahbaikan kepada infrastruktur di kawasan berisiko tinggi dengan menaik taraf bangunan-bangunan pencawang dan menara-menara bervoltan tinggi.

"Kami membina tembok konkrit penghadang banjir setinggi 1.5 meter, menaikkan panel kawalan dalam Pencawang Masuk Utama (PMU) dan menggunakan pintu penghadang banjir (flood gate) setinggi 1.2 meter untuk beberapa PMU di Kelantan, Terengganu dan Pahang.

"Kami turut membina menara talian bervoltan tinggi di atas konkrit setinggi 7.5 meter dan benteng batu bagi mengukuhkan tebing sungai di menara talian yang terletak berdekatan anak sungai."

Ir. Aminuddin menjelaskan langkah-langkah ini diambil bagi meminimumkan kesan kerosakan sekiranya banjir teruk berlaku seperti tahun lepas.

Aset seperti set janakuasa bergerak (*mobile gen-set*) dan bot telah ditambah bagi mempertingkatkan usaha TNB menangani banjir.

Selain itu, beberapa siri taklimat persediaan dan latihan kecemasan (desktop drill) telah dilaksanakan di stesen-stesen janakuasa dan pejabat operasi TNB bagi meningkatkan kecekapan dan siap-siaga semua pihak di musim tengkujuh nanti, katanya.

"Semua ini merupakan langkah bersepada yang diambil TNB bagi menghadapi banjir dan mengurangkan risiko kerosakan infrastruktur elektrik dan nyawa.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 25 November 2015

*Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi Md Derus Bunchit (019-266 2296) /
Puti Mazlina Mashudi (013-3642727) / Nasruddin Syakir Zabiddin (019-9560199)
media@tnb.com.my*